

02 MAY 1998

ANUGERAH KEPADA PERUNCIT JUAL BARANG BUATAN MALAYSIA

KLANG, 2 Mei (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kini sedang merangka satu bentuk anugerah kepada para peruncit yang paling banyak menjual barang-barang buatan tempatan.

Menterinya, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub berkata anugerah dalam bentuk sijil pengiktirafan itu bertujuan menggalakkan para peruncit untuk menjual barang buatan tempatan sebagai satu dari usaha meringankan beban kegawatan ekonomi negara pada waktu ini.

Beliau berkata negeri Selangor telah mendahului negeri-negeri lain dengan memperkenalkan langkah memberikan anugerah pengiktirafan itu dan kementerian berpendapat ia harus diperluaskan ke seluruh negara.

"Selain dari itu, satu logo atau tanda bagi mengenalpasti barang-barang buatan Malaysia akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi," katanya pada sidang berita selepas menghadiri majlis perasmian Hari Pengguna Sedunia peringkat Negeri Selangor dan Kempen Belilah Barangan Malaysia di sebuah kompleks belibelah di Jalan Kapar dekat sini hari ini.

Megat Junid berkata dalam keadaan kegawatan ekonomi kini, para pengguna harus bijak berbelanja untuk berjimat cermat dan membeli hanya barang buatan tempatan bagi mengelak pengaliran wang keluar negara.

-- BERNAMA

AZH WAT